

Kritikan Tuan Husein Kedah terhadap Doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl* dalam Kalangan-al-Mutaṣawwifah di Nusantara

Tuan Husein Kedah's Criticism of the Doctrine of *Wahdat al-Wujūd* and *Hulūl* Among al-Mutaṣawwifah in the Malay Archipelago

MOHD ASYRAN SAFWAN KAMARUZAMAN, MOHD HAIDHAR KAMARZAMAN, MOHD KAMEL MAT SALLEH & MUHAMMAD FIRDAUS ABDUL MANAF

ABSTRAK

Doktrin akidah *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl* telah lama tersebar dalam kalangan umat Islam sehingga menjadi keyakinan dalam kalangan sebahagian golongan yang menisahkan diri mereka kepada tasawuf dan tarekat di Nusantara. Doktrin ini dikategorikan sebagai Pantheism oleh sebahagian pengkaji kerana dianggap membawa kepada pegangan bahawa Tuhan boleh menyatu dengan makhluk-Nya atau meresap ke dalam diri makhluk-Nya. Doktrin ini secara dasarnya bercanggah dengan dasar tauhid yang dikembangkan oleh para ulama Ahli Sunnah Waljamaah di Nusantara. Dasar tauhid yang dibawa oleh para ulama ini berteraskan kepada konsep *tanzīh* iaitu menyucikan Allah daripada sebarang persamaan dengan makhluk-Nya, baik daripada segi zat-Nya, sifat-Nya mahupun af'āl-Nya. Daripada konsep ini lahirnya *natijah iktiqad* yang bersih daripada sebarang bentuk *tashbīh* dan *tajṣīm* yang menyelimuti doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasi kajian teks ke atas kitab *Hidāyat al-Mutafakkirīn fī Tahqīq Ma'rīfat Rabb al-'Ālamīn* karangan Tuan Husein Kedah atau nama sebenarnya *Shaykh Ḥusayn Naṣīr b. Muḥammad Ṭabīb al-Mas'ūdi al-Banjārī* dari abad ke-19 Masihi. Kajian ini menumpukan kepada kritikan beliau terhadap doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl* berdasarkan *Manhaj Akidah Ahli Sunnah Waljamaah*. Hasil kajian mendapati bahawa Tuan Husein Kedah menentang konsep *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl* yang bersifat pantheisme yang menyifatkan Allah berjisim dan sama dengan makhluknya. Doktrin ini bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang sebenar kerana menyamakan Allah dengan makhluknya daripada beberapa sudut seperti jisim dan tempat. Pandangan beliau ini dilihat bertepatan dengan penjelasan yang telah dinyatakan oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah dalam karya-karya mereka.

Kata kunci: *Hulūl*; Pantheism; *Tajṣīm*; *Tashbīh*; Tuan Husein Kedah; *Wahdat al-Wujūd*

ABSTRACT

The doctrines of *Wahdat al-Wujūd* and *Hulūl* have long spread among Muslims, they becoming a belief among some groups who attribute themselves to Sufism and tarekat in the Malay Archipelago. This doctrine is categorised as a type of Pantheism by some scholars because it is considered to lead to the belief that God can merge with His creatures or permeate into the substance of His creatures. This doctrine is basically in conflict with the basis of Tawhid developed by the scholars of Ahli Sunnah Waljamaah in the archipelago. The principle of Tawhid brought by Ahli Sunnah scholars is based on the concept of *tanzīh*, which is to purify Allah from any resemblance to His creatures, both in terms of His substance, His attributes, and His acts. From this concept arises the result of pure *iktiqad* from any form of *tashbīh* and *tajṣīm* which envelops the doctrines of *Wahdat al-Wujūd* and *Hulūl*. This study uses a qualitative method by applying textual study on the book *Hidāyat al-Mutafakkirīn fī Tahqīq Ma'rīfat Rabb al-'Ālamīn* by Tuan Husein Kedah or real name *Shaykh Ḥusayn Naṣīr b. Muḥammad Ṭabīb al-Mas'ūdi al-Banjārī* from the 19th century. This study focuses on his critiques of the doctrines of *Wahdat al-Wujūd* and *Hulūl* based on the *Manhaj Akidah Ahli Sunnah Waljamaah*. The results of the study found that Tuan Husein Kedah opposed the concept of *Wahdat al-Wujūd* and *Hulūl* which are pantheistic, which attributes Allah to mass and equal to his creatures. This doctrine is

contrary to the true creed of Ahli Sunnah Waljamaah because it equates Allah with his creatures from several angles such as mass and place. His view is seen to coincide with the explanation that has been stated by the scholars of Ahli Sunnah Waljamaah in their works.

Keywords: *Hulūl; Pantheism; Tajsīm; Tashbīh; Tuan Husein Kedah; Wahdat al-Wujūd*

PENDAHULUAN

Akidah merupakan tunjang kepada sahsiah diri seseorang manusia. Akidah merupakan neraca utama yang membezakan antara mereka yang beriman dan yang tidak beriman. Akidah atau iman juga merupakan sebaik-baik amalan secara mutlak berdasarkan kepada hadis Nabi SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ فَقَالَ إِيمَانٌ بِاللَّهِ وَرَسُولٌ

Maksudnya: “*Daripada Abu Hurairah bahawasanya Rasulullah SAW ditanya mengenai apakah amalan yang paling afdal? Maka Baginda bersabda: beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya SAW”*

(Al-‘Asqalānī, Shihāb al-Dīn Abū al-Faḍl Aḥmad bin Nūr al-Dīn ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥajr, *Fath al-Bārī*, Bāb *Man Qāla Inna al-Imān Huwa al-Amal*. No. Hadith 26)

Berdasarkan kepada hadis ini, ulama bersepakat bahawa awal agama adalah mengenal Allah SWT dan Rasul-Nya SAW. Orang yang tidak mengenal Allah SWT dan Rasul-Nya SAW tidak dikatakan mengimani Allah SWT dan Rasul-Nya kerana iman menuntut pengenalan yang sekurang-kurangnya atas jalan *ijmāli* (Al-Ḥāmidī 1936: 41; Ḥāfiẓ al-‘Arab 1987: 87). Sekurang-kurang iman terhadap Allah SWT ialah meyakini bahawanya Allah SWT adalah Pencipta sekalian alam, mengimani bahawa Pencipta alam ini sudah tentu tidak menyerupai alam ini. Mereka yang beriman meyakini bahawa Allah SWT tidak berhajat kepada alam ini, tidak berhajat kepada tempat untuk menempati, tidak berhajat kepada ruang, arah dan masa.

Begitu juga sekurang-kurang beriman terhadap Rasulullah SAW ialah mengimani bahawasanya Muhamad bin ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Muttalib adalah hamba Allah SWT dan utusan-Nya kepada sekalian alam, Baginda SAW dilahirkan di Makkah, diutuskan di Mekah, kemudian berhijrah ke Madinah al-Munawwarah dan wafat serta dikebumikan di Madinah al-Munawwarah. Baginda SAW sentiasa benar pada setiap perkara yang Baginda SAW sampaikan daripada Allah SWT seperti mengenai nikmat dan azab kubur, hari kebangkitan, mahsyar, titian sirat, syurga, neraka dan lain-lain.

Ilmu akidah yang membicarakan mengenai semua sudut keimanan secara *tafsili* adalah berteraskan kepada Manhaj Ahli Sunnah Waljamaah. Manhaj Ahli Sunnah Waljamaah ialah manhaj yang dipelopori oleh para ulama *salaf* seperti yang disusun dalam *al-Fiqh al-Akbar* karangan Imām Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān bin Thābit (w. 150H). Manhaj *salaf* ini kemudiannya disusun kembali oleh ulama yang terkemudian iaitu Imām Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī (w. 324H) dan Imām Abū Mansūr al-Māturīdī (w. 333H). Kerana itu apabila disebut Ahli Sunnah Waljamaah, maka difahami daripada kalimah ini ialah mereka yang menuruti manhaj yang dipelopori dan disusun semula oleh dua orang ulama ini. Imam Muḥammad bin Muḥammad al-Husaynī al-Al-Zabīdī (1994: 6) meriwayatkan:

إذا أطلق أهل السنة فالمراد بهم الأشاعرة والماتريدية، قال الخيالي في حاشيته على شرح العقائد: الأشاعرة هم أهل السنة والجماعة، وهذا هو مشهور في ديار خراسان، والعراق، والشام، وأكثر الأقطار وفي ديار ما وراء النهر.

Maksudnya: Apabila disebut Ahli sunah, dikehendaki maksud dengannya al-Ashā'irah dan al-Maturidiyyah. Al-Khayālī berkata, dalam Hashiyahnya bahawa golongan Ashā'irah kesemua mereka adalah dari kalangan Ahli Sunah Waljamaah, dan pandangan ini sememangnya masyhur dalam kalangan penduduk Khurasan, Iraq, Syam, kebanyakan dunia Islam dan di kalangan penduduk-penduduk seberang sungai (Jaykhun).

Senada dengan al-Zabīdī, Al-‘Allāmah Ibn ‘Ābidīn Rahimahullah (w. 1252H) (1995: 52) menyebut golongan Ahli Sunah Waljamaah adalah:

قوله عن معتقدنا: أي عما نعتقد من غير المسائل الفرعية مما يجب اعتماده على كل مكلف بلا تقليد أحد، وهو ما عليه أهل السنة والجماعة وهم الأشاعرة والماتريدية، وهم متوافقون إلا في مسائل يسيرة أرجعوا بعضهم إلى الخلاف اللغظي كما بين في محله.

Maksudnya: Pegangan kami: Iaitu apa yang kami beriktihad selain dalam masalah-masalah cabang (*furu'*) yang wajib diiktihad oleh setiap mukallaf tanpa *taqlid* seseorang, menurut ajaran Ahli Sunah Waljamaah iaitu ajaran al-Ashā'irah dan al-Maturidiyyah. Mereka bersepakat dalam persoalan

akidah kecuali pada beberapa perkara kecil yang dirujuk oleh sebahagian mereka sebagai khilaf lafzi sahaja sebagaimana yang diterangkan pada tempatnya.

Oleh demikian, dapat dilihat dalam karya-karya ulama *khalaf* seperti *al-'Aqīdah al-Nasafīyyah* karangan Imām al-Nasafī (w. 537H) jelas menuruti manhaj Imām Abū Ḥanīfah (*salaf*) dan Imām Abū Maṇṣūr al-Māturīdī (*khalaf*). Begitu juga *al-'Aqīdah al-Murshidah* karangan Ibn Tūmart (w. 542H) menuruti manhaj Imām Abū al-Ḥasan al-Ash'arī. Pegangan kelompok Ahli Sunnah Waljamaah ini juga telah dijelaskan secara terperinci dan tuntas oleh Imām Abū Maṇṣūr al-Baghdādī (w. 429H) dalam karyanya *al-Farq Bainā al-Firaq* dan karya *al-Milal wa al-Nihāl* karya al-Shahrastānī (w. 548H) dengan membandingkan akidah Ahli Sunnah Waljamaah dengan akidah yang menyimpang daripada manhaj Ahli Sunnah Waljamaah. Legasi Ahli Sunnah Waljamaah ini kemudiannya diteruskan juga oleh ulama Tanah Melayu seperti kitab *al-Durru al-Thamīn* yang dikarang oleh Shaykh Wan Dawūd bin Wan 'Abd Allāh al-Faṭānī dan *Hidāyat al-Mutafakkirīn* oleh Shaykh Ḥusayn Naṣīr bin Muḥammad Ṭabīb al-Mas'ūdī atau dikenali sebagai Tuan Husein Kedah dan ramai lagi. Di antara kebatilan akidah yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang dijelaskan oleh karya-karya yang telah disebutkan di atas adalah doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl*. Doktrin yang berteraskan kepada ideologi *Pantheism* ini ditolak secara mutlak oleh Tuan Husein Kedah dalam karyanya *Hidāyat al-Mutafakkirīn* yang menjadi fokus utama kajian dan analisis penulis dalam makalah ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data dengan mengumpulkan teks Tuan Husein Kedah mengenai doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl* khususnya dalam teks *Hidāyat al-Mutafakkirīn fī Tahqīq Ma'rifat Rabb al-'Ālamīn*. Seterusnya kajian ini akan membuat analisis kritis terhadap data yang diperoleh bagi menentukan bahawa data yang diperoleh adalah signifikan. Kajian turut melakukan analisis perbandingan terhadap data yang diperoleh bagi mendapatkan maklumat terperinci dan komprehensif terhadap pandangan Tuan Husein Kedah mengenai doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl*. Perbandingan ini akan merujuk pandangan ulama Ahli Sunnah Waljamaah bagi melihat kewujudan persamaan atau perbezaan antara

Tuan Husein Kedah dan ulama akidah yang lain dan perbandingan ini akan menzhirkan penilaian yang lebih autentik terhadap doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl*. Ia juga membantu daripada mengelakkan kajian ini bersifat bias terhadap doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl*.

BIOGRAFI RINGKAS TUAN HUSEIN KEDAH

Nama sebenar Tuan Husein Kedah ialah Abū 'Abd Allāh Ḥusayn Naṣīr bin Muḥammad Ṭabīb@ Tayyib bin Mas'ūd bin Qādī Abū Su'ūd bin Shaykh Muḥammad Arshad bin 'Abd Allāh al-Banjarī (Abu Daudi 2003). Beliau dilahirkan pada hari Ahad 20 Jamadil Awwal 1280H bersamaan 2 November 1863 di Titi Gajah, Kedah. Beliau adalah daripada keturunan seorang ulama yang sangat tersohor iaitu Shaykh Muḥammad Arshad bin 'Abd Allāh al-Banjarī, pengarang kitab *Sabil al-Muhtadīn* yang berketurunan Nabi Muhammad SAW (Napisah & Farid 2011).

Tuan Husein Kedah mendapat didikan awal daripada datuknya Shaykh Muḥammad Ṭabīb@ Tayyib bin Mas'ūd di pondok Titi Gajah (Badri 2014). Seterusnya beliau menyambung pelajarannya di Pondok Bendang Daya, Patani. Beliau sempat belajar dengan Shaykh Wan Muṣṭafa bin Muḥammad al-Faṭānī (Tok Bendang Daya I) dan selanjutnya kepada anak beliau, Shaykh 'Abd al-Qadīr bin Shaykh Wan Muṣṭafa al-Faṭānī (Tok Bendang Daya II). Tuan Husein Kedah juga pernah belajar di Pondok Semela iaitu institusi di mana datuknya pernah menuntut ilmu di situ. Pada tahun 1900, beliau berpindah ke Bohor dan membuka pondoknya di sana.

Tuan Husein Kedah telah menghasilkan sebanyak 18 buah kitab meliputi bidang fiqh, usuluddin, tasawuf dan pengetahuan umum dengan berorientasikan pemikiran Ahli Sunnah Waljamaah (Ahmad 2001). Bagaimanapun, terdapat perbezaan pendapat mengenai jumlah karangan yang dihasilkan oleh beliau. Antara kitab karangan beliau ialah *Al-Nūr al-Mustafīd fī 'Aqāid Ahl al-Tauhīd*, *Tamrīn al-Šibyān fī Bayān Arkān al-Islām wa al-Imān*, *Hidāyat al-Šibyān fī al-Islām wa al-Imān*, *Hidāyat al-Atfāl*, *Kasr al-Iksīr li al-Saghīr 'inda al-Kabīr li Ma'rifat Allāh al-'Ālim al-Khabīr*, *Hidāyat al-Mutafakkirīn fī Tahqīq Ma'rifat Rabb al-'Ālamīn*, *Tafrīh al-Šibyān fī Mawlid al-Nabī min Waladī 'Adnān*, *Tadhkīr Qabā'il al-Qādī*, *Bidāyat al-Tālibīn ila Ma'rifat Rabb al-'Ālamīn*, dan banyak lagi.

KITAB HIDĀYAT AL-MUTAFAKKIRĪN

Kitab *Hidāyat al-Mutafakkirīn fī Tahqīq Ma'rifat Rabb al-Ālamīn* yang diselesaikan penulisannya oleh Tuan Husein Kedah pada 3 Rabiulakhir 1337H iaitu sekitar Januari 1919 ini mempunyai nilai yang tinggi dalam bidang akidah dan tasawuf Islam berteraskan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Kandungannya bukan sahaja memfokuskan kepada akidah atau tauhid semata-mata, namun mempunyai kritikan-kritikan Tuan Husein Kedah terhadap aliran yang menyimpang daripada Ahli Sunnah Waljamaah. Tuan Husein Kedah diiktiraf sebagai ulama negeri Kedah yang masyhur dan menganggotai Majmuk Ulama Kedah yang ditubuhkan oleh Sultan, terdapat riwayat menyatakan bahawa Tuan Husein Kedah pernah dibuang negeri oleh Sultan pada tahun 1921 akibat daripada penulisan sebuah kitab yang dikatakan melanggar Akta Tauliah Mengajar dan Cetak Kitab. Dikatakan juga bahawa peristiwa dibuang negeri ini adalah rentetan daripada ketidakpuasan hati Syeikhul Islam Kedah ketika itu iaitu Haji Wan Sulaiman Sidek terhadap Tuan Husein Kedah yang amat tegas dalam masalah muamalat (Ahmad Yumni 2016; Firdaus 2014). Bagaimanapun terdapat pandangan bahawa sebab utama beliau mendapat murka Sultan dan menyebabkan Tuan Husein Kedah membawa diri sehingga ke Seberang Prai adalah kerana penulisan kitab *Hidāyat al-Mutafakkirīn fī Tahqīq Ma'rifat Rabb al-Ālamīn* yang diterbitkan di Perak (Abdullah 2016). Hal ini dikatakan Haji Wan Sulaiman Sidek sebagai melanggar undang-undang pemerintahan Kedah.

DOKTRIN WAHADAT AL-WUJŪD DAN HULŪL

Doktrin *Wahdat al-Wujūd* yang diketengahkan dalam kajian ini adalah doktrin akidah yang membawa kepada kefahaman *Ittihād* iaitu keyakinan bahawa Allah SWT dan makhluk-Nya bersatu dalam sebuah kesatuan. Secara etimologinya, kalimah *Wahdat al-Wujūd* berasal daripada dua kosa kata iaitu *Wahdat* yang memberi erti *al-Tauhid* iaitu ketunggalan dan keesaan serta *al-Ittihād* dengan makna kesatuan (Abādi t.th). Manakala kalimah *al-Wujūd* berasal daripada kalimah *Wujūd* yang bermaksud ada (Abādi t.th), manakala *al-Wujūd* pula bererti kewujudan Tuhan (A.E Afifi 1995). Maka berdasarkan makna daripada dua kosa kata ini, terdapat dua kefahaman mengenai *Wahdat al-Wujūd* iaitu:

1. Ideologi *Wahdat al-Wujūd* yang berteraskan konsep *Ittihād* atau *Panteism* dengan keyakinan bahawa Tuhan bersatu dengan makhluk (Yulya Sari 2017); dan
2. Ideologi *Wahdat al-Shuhūd* yang dijenamakan menggunakan nama *Wahdat al-Wujūd* iaitu meyakini dan memandang bahawa alam ini merupakan mazhar yakni dalil terhadap kewujudan Dhat yang Wajib al-Wujūd dan ini yang disebut oleh al-Nablusi (al-Hakim 1981).

Manakala kalimah *al-Hulūl* secara etimologinya pula bererti kesatuan dua jisim secara sempurna atau meresap sesuatu ke dalam sesuatu (Abādi t.th).

Secara dasarnya, polemik yang berlaku terhadap golongan *Mutasawwifah* atau *Wujudiyyah* yang *Batinīyyah* ialah terhadap pegangan *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl* yang berteraskan *Panteism* sebagaimana yang disepakati oleh para ulama akan kesesatan mereka (Ibn Tulūn t.t). Namun jika difahami konsep *Wahdat al-Wujūd* dengan kefahaman *Wahdat al-Syuhūd*, maka ia berada di atas landasan Ahli Sunah Waljamaah kerana Ahli Sunah Waljamaah menolak kefahaman *Hulūl* dan *Ittihād* (al-Sha'rānī t.th).

Kefahaman *Wahdat al-Wujūd* yang *Panteism* inilah yang ditolak oleh para ulama Ahli Sunah Waljamaah. Pengikut ajaran ini dikenali sebagai golongan *Wujudiyyah Mulhid* kerana berpegang dengan akidah yang batil. Hal ini ditegaskan oleh Ibn 'Arabi sendiri dalam perkataannya:

من قال بالحلول ففيه معلوم وما قال بالاتحاد إلا أهل الإلحاد

Ertinya: “Barangsiapa yang mendakwa al-*Hulūl* maka agamanya rosak, dan bukanlah yang mendakwa *al-Ittihād* itu melainkan Ahl al-*Ilhād* (*Mulhid*)”

Hal yang sama ditegaskan oleh Shaykh Daūd al-Fatāni yang menggolongkan golongan *Wujudiyyah* jenis ini sebagai sesat. Hal ini kerana menurut Shaykh Dawūd, golongan ini menganggap perkataan “tiada wujudku, hanya wujud Allah” sebagai aku wujud (adalah) Allah. Mereka juga berkata “Bahawasanya Allah tiada mawjud melainkan di dalam kandungan wujud segala makhluk”.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) pada Tahun 2000 telah memutuskan untuk bersetuju dengan fatwa

yang dikeluarkan oleh Sahibus Samahah Syed Alawi Tahir Al-Haddad, Mufti Johor pada Tahun 1948 bahawa (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2015: 11-12):

“Mengikut pendapat ijma ulama’, fahaman Wahdatul Wujud adalah kufur. Sesiapa yang mempercayai dan mengamalkan adalah murtad. Jika fahaman pengamal tersebut mempunyai isteri, isterinya tertalak dan anaknya adalah anak luar nikah dan hartanya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal”

Berhubung dengan doktrin *Hulūl* pula, ia merujuk kepada keyakinan bahawa Allah SWT meresap ke dalam tubuh makhluk-Nya sehingga makhluk-Nya itu tiada beza antara keduanya. Asal keyakinan ini adalah daripada keyakinan golongan Kristian yang meyakini bahawa Allah SWT meresap masuk ke dalam tubuh Nabi Isa, lalu mereka mempertuhankan Nabi Isa kerana Nabi Isa telah diresapi Allah SWT. Selain itu, doktrin *Hulūl* ini juga dipelopori oleh golongan Syiah (Siradjuddin Abbas 1995). Dalam hal ini al-Qādī ‘Iyyād al-Mālikī al-Yahṣubi berkata (al-Yahṣubi 2009: 241):

أجمع المسلمين على كفر أصحاب الحلول ومن ادعى حلول الباري
سبحانه في أحد الأشخاص كقول بعض المتصوفة، والباطنية.

“Umat Islam bersepakat atas kekufuran golongan yang beriktikad *Hulūl*, dan atas sesiapa yang mendakwa bahawa Tuhan mereka yang menciptakan itu menyerap di dalam seseorang manusia seperti dakwaan sesetengah golongan al-Mutashawwifah dan golongan al-Bātiniyyah”

Maka dapat disimpulkan bahawa doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl* yang ditolak oleh para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah doktrin yang membawa kepada keyakinan bahawa Allah SWT bertempat di dalam badan makhluk-Nya sama ada secara bersatu iaitu *Ittiḥād* atau secara meresap seperti gula yang meresap larut di dalam air. Sehubungan itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam terbitan mereka *Penjelasan Terhadap 58 Ciri Ajaran Sesat di Malaysia* (2005: 7-8) menjelaskan:

“Orang yang menganggap Allah memasuki tubuh manusia atau Dia terlipat pada suatu tempat dan keadaan maka orang itu adalah kafir terkeluar dari agama Islam. Kerana dianggap ingkar apa yang disepakati daripada Islam”

TUAN HUSEIN KEDAH TERHADAP *WAHDAT AL-WUJŪD* DAN *HULŪL*

Tuan Husein Kedah dilihat menyatakan bantahan keras beliau terhadap doktrin ini dalam karyanya *Hidāyat al-Mutafakkirīn fi Taḥqīq Ma’rifat Rabb al-Ālamīn*. Kitab ini membincarakan akidah dan diselang-seli dengan penjelasan dan kritikan terhadap golongan yang menyimpang serta akidah-akidah yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kritikan beliau terhadap doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl* dimulai sewaktu membincarakan mengenai sifat-sifat Allah SWT. Kata beliau (al-Banjarī t.th: 9):

“[Tanbih] telah hamba dapat akan beberapa perkataan yang menyalahi ia bagi syarak, dan daripada barang yang ijmak oleh segala ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang membawa ia kepada menafi akan Wahdāniyyah Allah Ta‘ala, dan akan Mukhālafah-Nya bagi segala yang baharu ini dan me[n]jithbat ia akan kekurangan bagi-Nya dan bersamaan dengan yang baharu ini dan berbilang dan benda pada zat-Nya dan pada segala sifat-Nya iaitu barang yang tersebut ia di dalam beberapa daftar yang dibicara padanya akan Martabat Tujuh dan sebenar-benar insan dan sebenar-benar Muhammad dan hakikat niat sembahyang dan musyahadah akan Allah Ta‘ala dan Insan Kamil dan mengenal diri dan asal usul sembahyang, puasa zakat, haji, dan sebenar-benar syahadah dan ucap yang sebenar dan bicara tafsil makna anasir yang empat dan makna iman, Islam, tauhid, makrifah dan makna syariat dan tarekat dan hakikat dan sakarat al-mawt dan hakikat ruh yang ada kebanyakannya daftar itu berg[an]tung-g[an] tung tali yang bukan ia daripada karangan ulama yang rasikhin tetapi adalah ia daripada taswilāt asy-shayātīn”

Doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl* sebagiannya diketengahkan oleh mereka yang mengikuti aliran atau kepercayaan Martabat Tujuh yang melampau. Kepercayaan Martabat Tujuh yang melampau ini mempunyai pelbagai nama yang digunakan sebagai representasi keyakinan mereka seperti Insan Kamil dan Hakikat Insan. Walau apa nama yang mereka guna sekalipun, keyakinan mereka ini, menurut Tuan Husein Kedah ialah keyakinan yang bersandarkan kepada karangan yang tidak absah untuk dijadikan dalil. Kerana itu, hujah-hujah yang diketengahkan oleh Tuan Husein Kedah terhadap ajaran ini adalah:

1. Menyalahi syarak dan ijmak;
2. Menafikan sifat *Wahdāniyyah* Allah SWT;
3. Menafikan sifat *Mukhālafatuhu li al-Hawādith*;

4. Mengisbatkan kekurangan pada Allah SWT; dan
5. Melakukan persamaan antara Allah SWT dengan makhluk-Nya.

Lanjutan daripada pengenalan kritikan beliau terhadap golongan *al-Mutaṣawwifah* yang mempopularkan doktrin *Waḥdat al-Wujūd* dan *Hulūl*, beliau kemudiannya memperincikan lagi kritikan beliau seperti berikut (al-Banjarī t.th: 8):

“(Setengah daripada daftar itu) tiada sebut namanya dan nama wadi’nya ertiinya orang yang mengarangnya dan setengah daripadanya disebut nama daftarnya jua dan tiada disebut nama wadi’nya, iaitu seperti Bayān Alif dan setengah daripadanya disebut namanya dan nama wadi’nya iaitu seperti Majmū‘ al-Asrār li Ahl Allāh al-Atyār namanya wadi’nya Muhammad Nafis (iaitu bermula kata Nabi Muhammad wa Muhammad wa Adam wahid, bermula Allah dan Muhammad dan Adam satu kerana inilah kata setengah ‘Ārif billāh, Anā Allāh (أَنَا اللَّهُ) dan kata setengahnya Anā al-Haq (أَنَا الْحَقُّ) intaha. Dan telah mendatang oleh mereka itu dalil yang fasid atas sebenar yang demikian itu dengan katanya (kerana Allah SWT itu Dhāt dan Muhammad itu Sifāt Allah dan Adam itu Af’āl Allah jadi ketiga-tiganya itu Qadīm) dan lagi katanya (Muhammad itu Abū al-Arwāh dan Adam Abū al-Bashar maka sekalian manusia ini daripada keduanya maka jadilah segala manusia pun Qadīm jua pulang kepada wujud yang satu)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa Tuan Husein Kedah menolak pandangan atau pendapat golongan yang mendakwa konsep *Waḥdat al-Wujūd* yang bersifat *Hulūl* adalah pandangan yang rosak dan batil. Golongan ini mendakwa bahawa manusia itu bersatu dengan tuhan dengan lafaz yang jelas, dan hal ini adalah bercanggah dengan akidah akidah Ahli Sunah Wal Jamaah. Kata Tuan Husein Kedah lagi (al-Banjarī t.th: 8):

“Dan lagi kata mereka itu di dalam setengah daftar itu (sebenar-benar insan itu nyawa dan sebenar-benar nyawa itu Muhammad dan sebenar-benar Muhammad itu Allah) dan lagi katanya (rupa insan itu Adam dan lembaga insan itu Muhammad dan batin insan itu Allah) dan lagi kata mereka itu (bermula sebenar-benar insan itu Muhammad dan sebenar-benar Muhammad itu insan dan sebenar-benar insan itu rahsia dan sebenar-benar rahsia itu wujud Allah maka inilah *Murāqabah Dhāt al-Baḥth*) kata setengah mereka itu bermula Allah SWT iaitu orang-orang yang menempati pada anak mata di dalam rangka mata (dan berkata setengah mereka itu bermula Allah SWT menjelma ia di dalam orang yang elok rupanya (dan setengah daripada yang demikian itu ilmu yang hala ke dunia) iaitu seperti ilmu tahan kulit jadi kebal berkata

empunyai Allah Muhammad besi ketiga-tiganya berbika-bika kata Allah aku tua kata Muhammad aku tua kata besi aku tua kemudian berkata Allah kepada Muhammad dan besi jika hangpa tua cuba hangpa meresap Muhammad tiada meresap kemudian meresap pula besi tiada jadi resap kemudian meresap Allah maka resap ia di dalam besi;

Tuan Husein Kedah menjelaskan lagi bahawa sifat golongan ini adalah mereka yang meletakkan kedudukan Allah SWT meresap ke dalam jasad Nabi Muhammad atau menempati jisim Nabi Muhammad sehingga menyamakan Allah SWT dengan makhluknya yang mengambil tempat dan ruang. Dakwaan mereka ini adalah dakwaan yang batil dan jahil kerana menyifatkan Allah SWT dengan meresap dan *ittihad* adalah meletakkan sifat berubah bagi Allah SWT (al-Banjarī t.th: 8):

perkataan ini panjang lagi (dan demikian lagi) barang yang berkata akan ia oleh setengan juhalā’ pada asalnya itu berkata ia Allah dan Muhammad berbika-bika keduanya seperti yang dahulu itu jua dan tatkala meresap Allah maka meresap Ia di dalam Muhammad maka Muhammad pun cari akan Dia tiada berjumpa maka menyeru ia akan Dia dengan katanya Allahu Akbar-Allahu Akbar أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ عَلَى الصَّلَاةِ hingga akhirnya (dan lagi kata setengah mereka itu) maka tatkala hampir seseorang yang hendak mati itu oleh keluar ruhnya maka datanglah satu nur cahaya putih seperti kapas di busur قَابْ قُوسِينَ yang tiada seumpamanya suatu terdiri daripada iaitu dua kening naik ke atas alam kudus iaitu ubun-ubun maka itulah zat Allah SWT dan lagi (kata setengah mereka itu) bagi muridnya jadi belum sifat belum langit belum bumi Allah belum di mana maka kata muridnya itulah yang saya mencarinya maka kata gurunya ada satu seumpama sebiji telur yang dinama akan dia belum jadi kemudian yang itu terbelah dua kulitnya jadi langit dan isinya jadi bumi dan Allah keluar daripada dua itulah maka ilmu imi panjang lagi (dan lagi kata setengah mereka itu) Allah itu berubah-ubah tempat-Nya pada hari ini dan pada hari itu di situ, demikianlah dikata pada sekalian hari itu, dan lagi katanya pula orang yang sembahyang subuh berhadap sebelah ini tiada betul di isyarat sebelah mata hari jatuh, kerana Allah duduk sebelah ini, di isyarat sebelah matahari naik, dan pada waktu ini ia tidur dan pada waktu ini begian-begian kelakuannya yang tertentu dikatakan atas beberapa kelakuan yang tiada di redha oleh syarak dan panjang perkataannya lagi tiada lulus hamba hendak citera akan dia”

Kritikan beliau yang panjang ini memberikan gambaran bahawa golongan *al-Mutaṣawwifah* ialah golongan yang akidah mengandungi keyakinan seperti berikut:

1. Kepercayaan mengenai kesatuan Allah SWT, Nabi Adam SAW dan Nabi Muhammad SAW sehingga membawa kepada pengakuan *Anā al-Haq*;
2. Kepercayaan bahawa Allah SWT adalah *Dhāt*, Nabi Muhammad SAW adalah sifat dan Nabi Adam SAW adalah perbuatan Allah SWT dan ketiga-tiga ini bersifat *Qadīm*;
3. Kepercayaan bahawa Nabi Adam SAW adalah *Abū al-Bashar* (bapa manusia) dan Nabi Muhammad SAW adalah *Abū al-Arwāh* (bapa ruh) dan kedua-duanya bersifat *Qadīm*;
4. Kepercayaan bahawa rupa insan adalah Nabi Adam SAW, lembaga insan adalah Nabi Muhammad SAW dan batin insan adalah Allah SWT;
5. Kepercayaan bahawa Allah SWT meresap dalam manusia yang elok rupa parasnya;
6. Kepercayaan terhadap ilmu tahan kulit jadi kebal dengan mengibaratkan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW dengan besi;
7. Kepercayaan bahawa Allah SWT meresap dalam jasad Nabi Muhammad SAW, kerana itu wujudnya dua kalimah syahadah;
8. Kepercayaan bahawa *Dhāt* Allah SWT seumpama cahaya putih yang ada antara dua kening apabila nyawa ditarik;
9. Kepercayaan bahawa Allah SWT adalah cahaya yang bersinar cemerlang memenuhi Timur dan Barat;
10. Kepercayaan bahawa Allah SWT adalah seumpama isi telur yang terbentuk antara dua kulitnya yang terpisah, kulitnya jadi langit dan isinya jadi bumi; dan
11. Kepercayaan bahawa Allah SWT berpindah-pindah tempat.

Setelah memperincikan keyakinan golongan ini, maka Tuan Husein Kedah kemudiannya menyatakan mengenai kesan terhadap akidah bagi mereka yang berkeyakinan seperti yang telah disebutkan oleh beliau. Maka fatwa Tuan Husein Kedah adalah seperti berikut (al-Banjarī t.th: 9):

“(Ketahui olehmu) bahwasanya sekalian mereka yang tersebut itu sesat sekaliannya lagi menyesat akan orang lain pula dan dinama akan dia Musyrik ertinya menyekutu akan Allah dengan yang lain-Nya dan dinama akan dia pula Muhibbah dan *Hulūliyyah* dan *Ittiḥādiyyah* (dan sekalian itu jadi kafir ia) *Na’udhu bi Allah min ha* dengan iktikad yang tersebut itu kerana sekaliannya itu menafi akan *Wahdāniyyah* Allah dan menafi akan *Mukhālafah*-Nya daripada baharunya ini dan me[ng]

ithbat akan beberapa syirik bagi Allah SWT dan baharu dan bertempat dan berpihak dan banding dan kekurangan bagi-Nya dan me[ng]ithbat akan keadaan-Nya berjirim dan berjisim dan mengambil lapang”

Tambah beliau lagi menjad kafir bagi mereka yang beriktkiad sedemikian kerana mensyirikkan Allah dengan sesuatu makhluk dan iktikad *Hulūl* dan *Ittiḥād* adalah menyamakan Allah dengan sesuatu makhluk yang lain (al-Banjarī t.th: 10):

“....dengan sorehnya atas jadi kafir orang musyrik dengan Allah dan orang yang iktikad akan *Hulūl* Allah pada suatu atau *Ittiḥād*-Nya dengan suatu atau menyamai dengan suatu”

Sandaran fatwa Tuan Husein Kedah ini adalah berpandukan kepada fatwa dan ijmak sedia ada yang dinukilkhan oleh beliau daripada dua kitab karangan al-Imām Ibn Ḥajr al-Haytamī (w. 974H) iaitu *al-I'lām bi Qawāṭī' al-Islām* dan *al-Zawājir 'an Iqtirāf al-Kabā'ir*. Kandungan kedua kitab ini mencakupi penjelasan al-Haytamī mengenai perkara-perkara yang membantalkan iman dan Islam. Kata Tuan Husein Kedah (al-Banjarī t.th: 9):

“(Bermula dalil yang menunjuk atas kufur) orang yang beriktkiad yang demikian kata Shaykh Ibn Ḥajr di dalam kitab *al-I'lām* ertinya barangsiapa menyangka ia akan bahwasanya Allah SWT bertempat ia pada suatu daripada seseorang manusia atau pada yang lain daripada mereka itu maka iaitu kafir ia dan lagi katanya وَكَالْحَلُولُ الْأَنْجَادُ ertinya seperti bertempat itu bersatu ia dengan suatu ertinya jadi kafir orang yang iktikad yang demikian ini. Dan lagi katanya di dalam kitab *al-Zawājir* pada membilang segala bagi yang jadi kafir او أَنَّهُ يَحْلُّ فِي (صورة حسنة إلى قوله أو الروح من نور الله فإذا اتصل النور بالنور اتحد ertinya atau beriktkiad ia bahwasanya Allah menempati ia di dalam rupa yang elok-elok hingga katanya atau iktikad ia bermula ruh itu daripada Nūr Allah maka apabila berhubung Nūr Ruh itu dengan Nūr Allah nescaya bersatu ia”

Kesimpulan daripada fatwa yang dinukilkhan daripada al-Haytamī, pegangan yang dihukumkan sebagai terkeluar daripada Islam adalah:

1. Kepercayaan bahawa Allah SWT meresap dalam manusia atau selainnya;
2. Kepercayaan bahawa Allah SWT bersatu dengan makhluk;
3. Kepercayaan bahawa Allah SWT menempati dalam rupa yang elok; dan
4. Kepercayaan bahawa Allah SWT itu adalah roh dan cahaya yang bersatu.

Tuan Husein Kedah kemudiannya memberi ciri-ciri umum golongan *al-Mutaṣawwifah* yang meyakini keyakinan *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl*. Beliau menukilkan hal ini daripada Shaykh Muhamad Suhaymi daripada kitabnya *al-Muqtaḍī bi Sharh al-Hudhudī ‘alā Um al-Barāhin* (t.th: 9-10). Kata beliau:

“(Dan telah berkata Shaykh Muhamad Suhaymi di dalam kitabnya *al-Muqtaḍī bi Sharh al-Hudhudī*

وَالاتْحَادِيَّةِ وَالْحَلْوَلِيَّةِ وَهُمَا فَرْقَتَانِ ظَهَرَتَا فِي الصَّوْفِيَّةِ وَيَقَالُ لَهُمْ
الْمُتَصَوِّفَةُ وَالصَّوْفِيَّةُ مَرْؤُونَ مِنْهُمْ قَالُوا السَّالِكُ إِذَا أَمَنَ فِي السُّلُوكِ
وَخَاصُّ لِجَةُ الْوَصْوَلِ حَلَّ اللَّهُ فِيهِ بِحِيثُ لَا يَتَمَيَّزُ إِنَّهُ وَاحِدٌ بِهِ أَيُّ
صَارَ عَيْنُ عَبْدِهِ بِحِيثُ لَا اثْنَيْنِيَّةُ بَيْنَهُمَا فَيَصِحُّ أَنْ يَقُولُ هُوَ أَنَا وَأَنَا هُوَ
وَيَرْقَعُ عَنْهُ الْأَمْرُ وَالنَّهِيُّ وَيَظْهُرُ مِنْهُ الْعَجَابُ مَا لَا يَنْتَصُورُ مِنْ
الْبَشَرِ وَهُمْ كُفَّارٌ إِجْمَاعًا

ertinya dan *Ittiḥādiyyah* dan *Hulūliyyah* bermula keduanya iaitu dua firqah yang zahir keduanya dengan menyerupai Ahl al-Taṣawwuf dikata orang bagi mereka itu al-Mutaṣawwifah, ertinya orang yang mengaku dirinya Ahl al-Taṣawwuf dan melaku akan dirinya seperti kelakuan Ahl al-Taṣawwuf pada hal bermula Ahl al-Taṣawwuf yang sebenarnya iaitu menjauh oleh mereka itu daripada mereka itu. Telah berkata mereka itu, bermula orang yang Sālik apabila bersungguh-sungguh ia pada ibadatnya dan masuklah ia ke dalam laut *Wuṣūl* kepada Allah SWT nescaya menempati Allah SWT di dalamnya sekira-kira tiada berbezalah keduanya itu atau jadi bersatulah ia dengan dia, ertinya jadilah ia ‘Ayn hambanya dengan sekira-kira tiada dibilang dua antara keduanya maka sah bahawa berkata ia iaitu aku ertinya Allah itu aku dan aku ini Ia dan terangkatlah daripadanya suruh dan tegah, dan zahirlah daripadanya daripada beberapa karamah yang ‘ajīb-‘ajīb oleh barang yang tiada tasawwur datangnya daripada manusia, bermula sekalian mereka itu [iaitu beberapa] kafir dengan ijmak sekalian ulama dan lagi katanya

وَالْحَلْوَلِيَّةُ إِذَا رَأَوَا صُورَةً جَمِيلَةً زَعْمُوا أَنْ مَعْبُودَهُمْ حَلَّ فِيهَا

ertinya bermula hululiyyah apabila melihat mereka itu akan rupa yang elok-elok menyangka mereka itu bahwasanya tuhan yang disembah oleh mereka itu iaitu menempati di dalamnya” (h. 9-10)

Ringkasnya, ciri-ciri umum golongan *al-Mutaṣawwifah* yang meyakini keyakinan *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl* ialah:

1. Dua firqah yang zahir penampakan mereka seakan sufi, namun mereka adalah *al-Mutaṣawwifah* iaitu mengaku-ngaku sufi, walhal golongan sufi sebenar berlepas diri daripada mereka;
2. Mereka yang mendakwa bahawa *sulūk* mereka itu akan sampai kepada kesatuan mereka dengan Allah SWT, sekira-kira tiada beza antara dia dengan Allah SWT;
3. Mereka yang mendakwa Allah SWT meresap ke dalam tubuh mereka, dan sah berkata “Aku adalah Dia” dan “Dia adalah Aku”;
4. Mereka yang mendakwa apabila sampai kepada tahap tinggi, maka mereka menjadi Allah SWT, maka terangkat segala kewajipan agama daripadanya (suruhan dan tegahan); dan
5. Mereka yang terzahir dari diri mereka beberapa keajaiban (yakni *istidrāj*).

ANALISIS KRITIKAN TUAN HUSEIN KEDAH

Aqidah Ahli Sunnah Waljamaah adalah berteraskan kepada mentauhidkan Allah SWT. Tauhid merupakan dasar agama Islam yang merupakan agama sekalian para nabi dan rasul bermula daripada Nabi Adam SAW sehingga Nabi Muhamad SAW Sekalian para nabi dan rasul mengajak manusia kepada mentauhidkan Allah SWT dan tidak mensyirikkan-Nya dengan sesuatu. Sabda Nabi Muhamad SAW:

الْأَنْبِيَاءُ إِخْوَةٌ مِّنْ عَلَّاتٍ وَمَهَاتُمُ شَتَّى وَدِينُهُمْ وَاحِدٌ فَلَيْسَ بَيْنَنَا نَبِيٌّ

“Para Nabi itu adalah seumpama saudara satu bapa (yakni agama yang satu iaitu Islam), ibu-ibu mereka berbeza (yakni hukum-hakam syariat) akan tetapi agama mereka satu. Dan tidak ada di antara kami (Nabi Isa dan Nabi Muhamad) seorang Nabi.”

(Muslim, *Šaḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Fadā’il*, *Bāb Fadā’il ‘Isā ‘Alayh wa Sallam*. No. Hadith 4487)

Erti tauhid secara dasarnya ialah pegangan yang meyakini keesaan Allah SWT dan mensucikan iktikad mengenai Allah SWT bahwasanya Allah SWT tidak menyerupai makhluk-Nya daripada

semua segi dan sudut penyerupaan dengan makhluk. Ini sesuai dengan perkataan yang diucapkan oleh seorang tokoh agung dalam ilmu tasawuf iaitu Junayd al-Baghdādī (al-Qushayrī 2003; al-‘Asqalānī 1986: 17):

الْوَحْيُ إِفْرَادُ الْقَدِيمِ مِنَ الْمُحْكَمِ

“Tauhid ialah mensucikan Zat yang Qadim (yakni Allah SWT yang wujudnya tanpa permulaan) daripada menyerupai yang muhdath (yakni makhluk yang bersifat baharu)”

Penjelasan demi penjelasan mengenai tauhid ini telah dijelaskan oleh para ulama zaman berzaman sehingga menjadi kebiasaan bagi setiap ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang ada di dunia ini, pasti mereka akan mengarang sekurang-kurang sebuah karya bagi menjelaskan mengenai tauhid. Kalimah tauhid kepada asal perkataanya iaitu *Ahad* dan *Wāhid*. Ini bererti kalimah tauhid ialah meyakini bahawa Allah Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya. Kalimah *Ahad* dan *Wāhid* bagi hak Allah SWT tidak boleh difahami secara literal bahawa Allah SWT itu satu dari sudut bilangan nombor. *Wāhid* atau satu dari sudut bilangan, tetapi akan menerima pecahan kerana nombor ialah susunan. Sebagai contoh, satu jika dibahagikan kepada 4 bahagian, maka ia akan menjadi $\frac{1}{4}$ kepada 4 pecahan, begitu juga seterusnya. Sedangkan Allah SWT bukanlah satu dari sudut bilangan, dan Allah SWT tidak menerima pecahan. Ini dikuatkan dengan kenyataan Imām Abū Ḥanīfah dalam kenyataannya (al-Kawtharī 2009: 619):

إِنَّ اللَّهَ وَاحِدٌ لَا مِنْ طَرِيقِ الْعَدْدِ وَلَكِنْ مِنْ طَرِيقِ الْأَنْوَهِ لَا شَرِيكَ لَهُ فِي الْأُلُوَّيْنِ

“Sesungguhnya Allah itu Wāhid bukan dari sudut bilangan, namun Dia Wāhid dari sudut menafikan syirik bagi-Nya pada ketuhanan.”

Setiap yang berbilang asalnya adalah jisim. Ini kerana jisim menurut ulama Tauhid ialah apa yang tersusun daripada dua *Jawhar* atau lebih. *Jawhar* ini sekiranya ia berada secara tunggal maka disebut sebagai *Jawhar al-Fard*, manakala sekiranya ia bersusun secara gabungan, maka ia dikenali sebagai jisim. Menurut Imām Ahmad bin Hanbal, jisim ditakrifkan seperti berikut (al-Tamīmī 2001):

إن الأسماء مأخوذة بالشريعة واللغة وأهل اللغة وضعوا هذا الاسم على كل ذي طول وعرض وسمك وتركيب وصورة وتليف والله تعالى خارج عن ذلك كله فلم يجز أن يسمى جسمًا خروجه عن معنى الجسمية ولم يجيء في الشريعة ذلك فبطل

“Sesungguhnya, nama-nama Allah diambil dari syariat dan dari bahasa. Adapun ahli bahasa (Arab) meletakkan nama tersebut (yakni jisim) dengan makna setiap sesuatu yang mempunyai ukuran ketinggian, ukuran lebar, tersusun dengan beberapa anggota, mempunyai bentuk dan sebagainya, sedangkan Allah SWT Maha Suci dari yang demikian (tidak mempunyai anggota dan sebagainya) Maka, tidak boleh menamakan Allah SWT dengan jisim kerana Allah SWT Maha Suci dari makna kejisiman (tidak beranggota, tiada ukuran, tiada bentuk dan sebagainya) dan syariat tidak menyebutnya, maka batallah faham *tajṣīm* atau Allah SWT berjisim.” (h. 45).

Pengingkaran bahawa Allah SWT itu berjisim merupakan ijmak Ulama sebagaimana dinyatakan oleh Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī dalam *al-Luma'*, Shaykh Mahmūd Khattāb al-Subkī dalam kitabnya *Ithāf al-Kāināt* dan Imām Mullā ‘Alī al-Qārī dalam *Mirqāt al-Mafātiḥ Sharḥ Mishkāt al-Masābiḥ*. Anggota badan melazimkan jisim bagi hak Allah SWT, demikian Maha Suci Allah dari berjisim (al-Harārī 2004).

Mengenai kritikan Tuan Husein Kedah terhadap doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl*, kritikan yang diberikan oleh Tuan Husein Kedah ini adalah seajar dengan apa yang telah dinyatakan oleh ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah. Hal ini kerana doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl* sebagaimana yang dijelaskan oleh beliau adalah bertentangan secara mutlak dengan makna tauhid itu sendiri. Doktrin ini didasari iktikad *tashbīh* dan *tajṣīm* kerana meyakini Allah boleh menyatu dengan makhluk atau meresap ke dalam makhluk. (al-Banjarī t.th). Maka mustahil Tuhan itu bersatu dengan makhluk⁻ dan mustahil makhluk bersatu dengan Tuhan. Inilah hakikat Tauhid yang sebenar yang telah digarap oleh para ulama sejak zaman-berzaman. Tauhid bukanlah kesatuan Tuhan dengan makhluk, bahkan tauhid ialah membezakan Tuhan dengan ciptaan-Nya. Keyakinan *Wahdat al-Wujūd* yang mendakwa bahawa Tuhan itu bersatu dengan makhluk adalah akidah utama golongan Kristian. Sebahagian pengikut Kristian mengimani konsep *Trinity* kerana mereka meyakini Tuhan itu

bersatu dengan Nabi Isa SAW sebagaimana disebut disebut oleh al-Muqtārah (al-Muqtārah 2009).

Setiap yang bersatu dan berpisah ialah jisim, dan setiap jisim itu adalah baharu. Maka ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah bersepakat atas perkataan Abū al-Hasan al-Ash‘arī bahawa kesatuan dan perpecahan itu adalah sifat makhluk, Shaykh Samīr al-Qādī dalam syarahnya atas *Risālah Istihsān al-Khawḍ* karya al-Ash‘arī menyebut (al-Qādī 2017: 25):

(وكذلك الاجتماع والافتراق) فإن كلا منهما يدل على حدوث ما
تصف به

“(Dan begitu juga al-Ijtimā‘(kesatuan) wa al-Iftirāq (perpecahan) maka sesungguhnya kedua ini menunjukkan kebaharuan sesuatu yang bersifat dengannya”

Selain *Wahdat al-Wujūd*, keyakinan *Hulūl* juga masyhur dalam kalangan penganut Kristian yang meyakini bahawa Nabi Isa SAW diresapi Allah SWT sehingga Nabi Isa SAW dianggap sebagai Tuhan oleh golongan Kristian (al-Nasañī, 2012). Seringkali orang *mutaṣawwifah* yang mengaku-ngaku sufi itu mendakwa bahawa apabila telah sampai seseorang itu ke makam tertinggi dalam tasawuf, maka dia akan menjadi Tuhan, atau Tuhan meresap ke dalamnya. Polemik ini berulang-ulang sepanjang zaman. Perbahasannya juga amat luas. Jika sufi yang benar ditimpa *jazbah* iaitu keadaan hilang akalnya, lalu berkatalah dia sebagaimana yang dikata “Aku Allah” atau “Allah meresap ke dalamku”, perkataan ini adalah perkataan kufur, namun penuturnya tidak dihukum kafir oleh para ulama oleh kerana kondisinya yang hilang akal. Berlainan kondisi ini dengan orang yang mengaku-ngaku sufi, dalam keadaan waras mereka mendakwa dengan perkataan demikian. Ada yang mengaku Tuhan. Ada yang mengaku Tuhan meresap di dalamnya. Perkataan dan keyakinan ini, jika diucapkan dalam keadaan sedar dan waras, tidaklah mengecualikan dia daripada apa yang telah dibawa oleh syarak, iaitu kufur setelah beriman. Orang beriman tidak angkuh seperti Firaun dengan mendakwa keyakinan seperti ini. Perkataan “Aku Tuhan” ini hakikatnya diucapkan oleh orang paling angkuh di dunia iaitu Firaun sebagaimana firman Allah SWT yang menghikayatkan perkataan Firaun (Surah al-Nazi‘at: 24):

فَقَالَ أَنَا رَبُّكُمُ الْأَعْلَى

“Firaun berkata: “Aku adalah tuhan kalian yang paling tinggi”

Kritikan Tuan Hussein Kedah ini disokong oleh para ulama dengan nukilan-nukilan ijmak yang sangat banyak. Antaranya kenyataan al-Qādī ‘Iyyād al-Mālikī al-Yahṣubi berkata (al-Yahṣubi 2009: 241):

أجمع المسلمين على كفر أصحاب الحلول ومن ادعى حلول الباري سبحانه في أحد الأشخاص كقول بعض المتصوفة، والباطنية.

“Umat Islam bersepakat atas kekufuran golongan yang beriktikad *Hulūl*, dan atas sesiapa yang mendakwa bahawa Tuhan yang menciptakan itu menyerap di dalam seseorang manusia seperti dakwaan sesetengah golongan al-Muṭaṣawwifah dan golongan al-Bāṭiniyyah”

Selain al-Qādī ‘Iyyād, seorang tokoh sufi yang masyhur iaitu Ibn ‘Arabī (w. 638H) menerusi karangannya yang berjudul *Futuhāt al-Makkiyyah* berkata (al-Hararī 2008: 134):

ما قال بالاتحاد إلا أهل الإلحاد، ومن قال بالحلول فدينه المعلوم

“Seseorang tidak akan mengungkapkan tentang [iktikad] al-Ittiḥād [Wahdat al-Wujūd] melainkan dia merupakan seorang Ahl al-Ilḥād, dan sesiapa yang mengungkapkan tentang [iktikad] al-Hulūl maka agamanya rosak”

Juga al-Suyūṭī seorang tokoh ulama yang menghimpunkan ilmu syariat dan tasawuf menyebut dalam risalahnya *Tanzīh al-Itiqād ‘an al-Hulūl wa al-Ittiḥād* berkata (al-Suyūṭī 1975: 236):

وما زالت العلماء ومحققو الصوفية يبيرون بطلان القول بالحلول
والاتحاد وينبهون على فساده ويحذرون من ضلاله

“Ulama dan para Muhaqqiq dalam kalangan al-Šūfiyyah sentiasa menjelaskan kebatilan ucapan akidah al-Hulūl dan al-Ittiḥād, mereka memberi peringatan mengenai kerosakannya dan memberi amaran keras kepada manusia daripada kesesatannya”

KESIMPULAN

Kritikan yang diberikan oleh Tuan Husein Kedah dalam karyanya *Hidāyat al-Mutafakkirīn fī Tahqīq Ma'rifat Rabb al-Ālamīn* tidak lain dan tidak bukan adalah kerana dasar kasih beliau terhadap akidah sekalian umat Islam terutamanya mereka di Tanah Melayu. Beliau mewaspadai orang ramai daripada doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl* yang dibawa oleh golongan mutasawwifah iaitu golongan yang bukan daripada ahli sufi sebenar. Analisis yang dibuat juga melihat kesinambungan kritikan Tuan Husein Kedah dan para ulama Ahli Sunnah Waljamaah yang lain dalam konteks yang sama. Oleh yang demikian, umat seharusnya berwaspada terhadap ajaran-ajaran yang menyelinap masuk dalam kalangan umat Islam atas nama sufi, tasawuf atau tarekat daripada golongan ini. Mereka yang telah berpegang dengan doktrin *Wahdat al-Wujūd* dan *Hulūl*, yang meyakini bahawa Tuhan menyatu atau meresap dalam makhluk-Nya hendaklah segera bertaubat dan kembali kepada ajaran akidah Islam yang sejati sebagaimana yang jelas dalam kalangan Ahli Sunnah waljamaah.

RUJUKAN

- al-Quran.
- Abbas, K. H. Siradjuddin. 1995. *I'tiqad Ahli Sunah wal-Jama'ah*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah.
- Abdullah, A. R. 2016. *Biografi Agung Syeikh Arsyad Al-Banjari*. Shah Alam: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd.
- Abu Daudi 2003, *Maulana Syeikh Muhamad Arsyad al-Banjari (Tuan Haji Besar)*. Martapura: Yayasan Pendidikan Islam Dalam Pagar.
- Ādil Ahmad Abd al-Mawjūd, ‘Alī Muhammad Mu‘awwad et al. 1994. *Hāshiah Radd al-Mukhtār ‘ala Durar al-Mukhtār Sharḥ Tānwīr al-Abṣār*. Vol.1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- A.E Afifi. 1995. *Filsafat Mistis Ibn Arabi*. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- Al-Fatāni, Shaykh Dawūd ibn ‘Abd Allāh. 1992. *Tuhfat al-Rāghibīn* fi Suluk Tarīq al-Muttaqīn dalam Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Manhal al-Safi Shaykh Dawūd al-Fatāni*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Ahmad Yumni Abu Bakar et al. 2016, *Biografi Ulama Malaysia; Tuan Hussain Kedah Penggiat Sistem Pengajian Pondok di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, S. 2001. Pendekatan Karya Ulama Tradisional di Kedah: Tumpuan Kepada Karya-Karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin, Hanafiah Taib Al-Qadhi (1908-1998M). *Jurnal Usuluddin* 13.
- al-‘Asqalānī, Shihāb al-Dīn Abū al-Faḍl Aḥmad bin Nūr al-Dīn ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥajr. 1986. *Fatḥ al-Bārī*. Kaherah: Dār al-Riyān li al-Turath.
- Awatif binti Abdul Rahman, Muhammad Khairi bin Mahyuddin. 2015. Spirituality in Da’wah and Management by Wan Sulaiman Wan Siddik, A 19th Sufi. *International Journal of Education and Social Science* 2(3).
- Badri, K. N. 2014. *Ketokohan dan Sumbangan Tuan Hussain Kedah Dalam Bidang Pendidikan*. t.t.: t.pt.
- al-Banjarī, Ḥusayn Nāṣir bin Muḥammad Ṭabīb al-Mas‘ūdī. t.th. *Hidāyat al-Mutafakkirīn fī Tahqīq Ma'rifat Rabb al-Ālamīn*. Thailand: Matba‘ah Ibn Halabi.
- al-Banjarī, Syaikh Abdul Rahman Siddiq bin Muhammad Afif. 2005. *Shajarāt al-Arshadiyyah*. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah.
- Fairūz Abādī. t.t. *al-Qāmūs al-Muḥīt*. t.t.: t.pt.
- Firdaus, Ariff. 2014. *Tokoh-Tokoh Islam di Kedah*. t.t.: t.pt.
- Al-Hākim, Su‘ad al-Hākim. 1981. *al-Mu‘jam al-Sūfī: al-Hikmah Fi Ḥudud al-Kalimah*, Beirut: Dandarah li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr.
- al-Hararī, ‘Abd Allāh. 2004. *Sharḥ al-Qawīm fi Ḥāl Alfāz al-Sirāt al-Mustaqīm*. Beirut: Sharikah Dār al-Mashārī‘ li al-Taba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- al-Hararī, ‘Abd Allāh. 2008. *Ṣarīḥ al-Bayān fī al-Rad ‘alā man Khālqā al-Qur’ān*. c.02. Beirut: Sharikah Dār al-Mashārī‘ li al-Taba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Ibn al-‘Arabi, Muhyi al-Dīn. t.t. *Futuḥāt al-Makkiyyah*. t.t.: t.pt.
- Ibn Tulūn, Ahmad. t.t. *Tahdhīr al-‘Ibād min al-Hulūl wa al-Ittiḥād*. t.t.: t.pt.
- Ishak Mohd. Rejab. 1981. “Peranan Ulama dalam Masyarakat di Kedah dengan diberi Penekanan kepada Tuan Hussain b. Muhammad Nasir al-Mas‘ūdī dan Haji Wan Sulaiman Wan Sidek”. *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman 1, Alor Star*. Wisma Negeri, pada 28 Nov-1 Dis.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2015. *Komplikasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. c.05. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2005. *Penjelasan Terhadap 58 Ciri Ajaran Sesat di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kautsar Azhari Noor. 1995. *Ibn Al-Arabi: Wahdat al-Wujud Dalam Perdebatan*. Jakarta: Paramadina.
- al-Kawtharī, Muḥammad Zāhid. 2009. *al-‘Aqīdah wa ‘Ilm al-Kalām*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Muqtārah, Muẓaffar bin ‘Abd Allāh bin ‘Alī. 2009. *al-Asrār al-‘Aqlīyyah fi al-Kalimāt al-Nabawīyyah*. Tahqīq Nizār Hamadī. t.t.: t.pt.
- Napisah Karimah Ismail, Farid Mat Zain. 2011. Sumbangan Tuan Husain Kedah Terhadap Perkembangan Islam di Kedah. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 345-350.

al-Nasafī, Hāfiẓ al-Dīn Abū al-Barakāt. 2012. *Sharḥ al-‘Umdah fi ‘Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah al-Musammā bi al-I‘timād fi al-I‘tiqād*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
al-Qāḍī, Samīr bin Sāmī. 2017. *Idāh al-Maram min Risālah al-Ash‘arī al-Imām*. Beirut: Sharikah Dār al-Mashāfī li al-Tabā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.

Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman (Ph.D)
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri
Sembilan
Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi
72000, Kuala Pilah
Negeri Sembilan
Malaysia
E-mel: asyransafwan@uitm.edu.my

Mohd Haidhar Kamarzaman (Ph.D)
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor
Malaysia
E-mel: haidhar@ukm.edu.my

Mohd Kamel Mat Salleh (Ph.D)
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri
Sembilan
Kampus Seremban, Persiaran Seremban Tiga/1, Seremban 3
73000 Seremban, Negeri Sembilan
Malaysia
E-mel: mohdkamel73@yahoo.com

Muhammad Firdaus Abdul Manaf (Ph.D)
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri
Sembilan
Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan
Malaysia
E-mel: dr.firdausmanaf@gmail.com

Diserahkan: 15 Ogos 2021
Diterima: 15 Disember 2021

al-Qushayri, ‘Abd al-Karīm bin Huza. 2003. *al-Risālah al-Qushayriyyah fi ‘Ilm al-Taṣawwuf*. c. 01. Beirut: Dār al-Khayr li al-Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.
Rahimsyah. 2006. *Kisah Shaykh Siti Jenar Asal Mula Faham Manunggaling Kawula*. Surabaya: Gali Ilmu.
Al-Sha‘rāni, ‘Abd al-Wahhāb. t.t. *Lawāqih al-Anwār al-Qudsīyyah*. t.tp. t.pt.
al-Suyūṭī, Jalal al-Dīn ‘Abd al-Rahmān. 1975. *al-Hāwī li al-Fatāwa fi al-Fiqh wa ‘Ulūm al-Tafsīr wa al-Ḥadīth wa al-Ūṣūl wa al-Nahwi wa al-‘Irāb wa Sā’ir al-Funūn*. Vol.2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
al-Tamīmī, Abū al-Faḍl Abd al-Wahīd bin Abd al-Azīz bin al-Ḥarith. 2001. *I‘tiqād al-Imām al-Munabbal Abī ‘Abd Allāh Aḥmad bin Hanbal*. Vol.2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
al-Yahṣubi, al-Qāḍī ‘Iyyād al-Mālikī. 2009. *al-Shifā Bi Ta‘rīf Huqūq al-Muṣṭafā*. Cet. 4. Beirut: Darul Kutub Ilmiyyah.
al-Zabīdī, Muṭaḍā al-Husaynī. 1989. *Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn Sharḥ Ihyā‘ Ulūm al-Dīn*. Vol.2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.